

24,000 amah asing ditamat perkhidmatan setiap bulan

BH 25/10/14 M56

» Ada rekod jenayah, gagal pemeriksaan kesihatan antara sebab permit batal

Oleh Mohd Azis Ngah
azis@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Kira-kira 24,000 pembantu rumah asing ditamatkan perkhidmatan setiap bulan sejak tiga tahun lalu, sekaligus menyumbang kepada kekurangan amah yang kritikal dalam kalangan majikan yang memerlukan khidmat mereka.

Mengikut rekod pembatalan permit biasa melalui Memo Periksa Keluar yang dikeluarkan Jabatan Imigresen Malaysia sejak tahun 2011 hingga 2013, permit kerja amah ditamatkan atas pelbagai sebab, termasuk menyerahkannya secara sukarela selepas lama berkhidmat, amah yang baharu tiba tidak sesuai dengan ma-

INFO

Visa pembantu rumah asing

Kelulusan Visa Dengan Rujukan (VDR) untuk Pembantu Rumah Asing (PRA)

- » Tahun 2011 (61,382 orang)
- » Tahun 2012 (53,043 orang)
- » Tahun 2013 (42,160 orang)
- » Tahun 2014 (28,136 orang) (Sehingga 30 September)

Pelbagai kes kesalahan bagi pembatalan permit biasa melalui Memo Periksa Keluar

- » Tahun 2011 (302,703 kes)
- » Tahun 2012 (397,295 kes)
- » Tahun 2013 (291,670 kes)

Syarat permohonan Visa Dengan Rujukan (VDR) dan Pas Lawatan (Kerja Sementara) PL (KS)



“Berbanding sebelum tahun 2011, purata bulanan pembantu rumah baharu yang dibawa masuk setiap bulan melalui agensi berdaftar adalah di antara 6,000 hingga 7,000, **tetapi kini merosot kepada kira-kira 600 pekerja saja**”

Farah Adura Hamidi,
Pengarah Bahagian Pekerja Asing,
Jabatan Imigresen Malaysia

mendapatkan pembantu rumah asing melalui Visa Dengan Rujukan (VDR), tetapi dengan kebenaran khas Menteri Dalam Negeri, sebelum diberikan Pas Lawatan (Kerja Sementara) PL(KS).

Farah Adura berkata, amah dan majikan perlu memenuhi syarat dan PL(KS) hanya akan dikeluarkan selepas mereka lulus pemeriksaan kesihatan di klinik yang berdaftar dengan FOMEMA.

“Sehingga tahun 2014, bilangan pembantu rumah asing yang memegang PL(KS) yang sah dan aktif di Malaysia ialah seramai 165,047 orang. PL(KS) hanya akan dibenarkan jika mereka memenuhi syarat seperti pembantu rumah mestilah berumur 21 hingga 45 tahun dan sihat untuk bekerja.

Barang-baru peribadi

Jikan atau gagal dalam pemeriksaan kesihatan, selain pelbagai masalah lain seperti ada rekod jenayah.

Pengarah Bahagian Pekerja Asing, Jabatan Imigresen Malaysia, Farah Adura Hamidi, berkata pada tahun 2011, sebanyak 302,703 kes pembatalan permit dilaporkan dan meningkat kepada 397,295 kes pada tahun 2012, sebelum menurun kepada 291,670 kes, pada tahun lalu.

Jumlah kemasukan merosot

“Berbanding sebelum tahun 2011, purata bulanan pembantu rumah baharu yang dibawa masuk setiap bulan melalui agensi berdaftar adalah di antara 6,000 hingga 7,000, tetapi kini merosot kepada kira-kira 600 pekerja saja,” katanya.

Ketika ini ada kira-kira 250,000 pembantu rumah asing di Malaysia, sedangkan berdasarkan keperluan semasa, kira-kira 300,000 permohonan diterima di negara ini bagi mendapatkan amah, terutama dari Indonesia, sedangkan jumlah dibawa masuk sejak tahun 2009 hingga tahun 2013 hanya 4,000 orang.

Berbanding sebelum tempoh itu, purata bulanan pembantu rumah baharu yang dibawa masuk setiap bulan melalui agensi berdaftar adalah antara 6,000 hingga 7,000, tetapi kini merosot kepada kira-kira 600 pekerja saja,

sekali gus gagal mengimbangi keperluan pasaran.

Sebelum ini, *BH Ahad* melaporkan tahap kritikal sektor pembantu rumah asing bermula apabila Indonesia membekukan penghantaran pekerja mereka dan mengadakan memorandum

Persefahaman (MoU) dengan Malaysia untuk mengkaji semula proses penghantaran dan isu berkaitan sejak tahun 2009, sebelum urusan dibenarkan semula mengikut syarat tertentu.

Antaranya ialah kebenaran menggunakan Pas Lawatan Sosial

(PLS) yang bertujuan membantu meringankan beban majikan yang terpaksa membayar harga tinggi melalui agensi sebelum ia dihentikan pada Oktober 2013 apabila *Journey Performed Visa* (JP Visa) dimansuhkan.

Kini majikan boleh memohon



Pembantu Rumah Asing (PRA)

- ▶ Masih berada di negara sumber ketika permohonan dibuat
- ▶ Diambil dari negara sumber yang dibenarkan (9 negara)
- ▶ Wanita berumur 21 hingga 45 tahun
- ▶ Disahkan sihat untuk bekerja oleh pusat pemeriksaan kesihatan di negara sumber

Majikan

- ▶ Memenuhi syarat kelayakan pendapatan dan mempunyai sebab yang munasabah untuk mengambil PRA
- ▶ Menandatangani bon peribadi sebagai jaminan PRA tidak melanggar syarat PL (KS)
- ▶ Jabatan akan menyita bon peribadi mengikut kadar yang ditetapkan berdasarkan warganegara PRA

Borang bon peribadi

“Majikan mesti menandatangani borang bon peribadi sebagai jaminan mereka tidak melanggar syarat PL(KS). Jabatan akan menyita bon peribadi mengikut kadar yang ditetapkan berdasarkan warganegara amah terbabit,” katanya.

Katanya, majikan yang gagal mematuhi peraturan, termasuk isu pembayaran gaji boleh dikenakan tindakan mengikut peruntukan undang-undang dalam Akta Imigresen 1959/63, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATI-PSOM) dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963.

Sebelum ini, Pertubuhan Kebangsaan Agensi Pekerjaan Malaysia (PIKAP) mendedahkan, masalah kekurangan bekalan pembantu rumah asing berlaku disebabkan struktur gaji serendah RM700 sebulan di Malaysia berbanding RM900 hingga RM1,500 di negara lain.

Selain itu, kos pengurusan yang ditetapkan di Malaysia adalah RM7,800, sedangkan agensi di Indonesia menerima tawaran lebih RM10,000 bagi setiap amah yang dihantar ke negara lain.

Situasi berkenaan menyebabkan jumlah pembantu rumah asing di Malaysia semakin menurun, manakala yang bekerja secara haram dikatakan semakin meningkat.